



Penduduk Taman Harmoni, Seri Kembangan **membersihkan rumah** selepas banjir. Gambar kanan, seorang pembantu rumah bersama tiga anak majikannya hanya mampu melihat air setinggi 0.3 meter yang memasuki rumah mereka selepas hujan lebat.

Resah bila guruh berdentum

» Banjir kilat setiap kali hujan lebat, penduduk rayu PBT atasi masalah

Oleh Halina Mohd Noor
halina_mdnoor@bh.com.my

► **Seri Kembangan**

Setiap kali hujan lebat, banjir kilat akan pasti berlaku. Ini terjadi di Jalan Harmoni 5 dan 9, Taman Harmoni, di sini, menyebabkan 10 keluarga yang mendiami kawasan itu resah, setiap kali mendengar guruh di langit.

Tinjauan BH Sentral mendapati keadaan longkang khususnya di belakang rumah agak sempit. Ini dikatakan menjadi punca banjir di kawasan yang menempatkan 10 unit rumah teres dan flet di situ.

Longkang sempit

Air dipercayai mengalir laju dari atas bukit berhampiran kawasan perumahan itu, sebelum melimpah keluar, berikutan keadaan longkang yang sempit.

Seriwani Nazri, 43, berkata



“Beberapa sesi mesyuarat sudah diadakan berkaitan perkara ini manakala spesifikasi dan dokumen berkenaan projek mengatasi banjir di sini sudah disiapkan”

Hasan Nawawi Abd Rahman,
Yang Dipertua MPKJ

beliau panik dan terkejut apabila rumahnya dipenuhi air selepas hujan lebat sekitar 4 petang, baru-baru ini.

“Ketika kejadian, saya dan anak lelaki berusia lima tahun sedang berehat di atas katil apabila bekalan elektrik tiba-tiba terputus.

Air melimpah laju

Sebaik turun dari katil, kami terperanjat melihat air sudah memenuhi seluruh rumah setinggi betis dan sebaik pintu depan dibuka, sekali lagi kami ketakutan apabila air melimpah laju masuk ke dalam rumah. Halaman rumah bertukar seolah-olah kolam besar,” katanya.

Pembantu rumah, Suliawati Ahmad, 30, yang tinggal bersama tiga anak majikannya di rumah turut terkejut apabila air masuk ke rumah dengan laju dan memenuhi seluruh rumah dalam tempoh lima minit saja.

“Saya panik apabila memikirkan bagaimana hendak menyelamatkan tiga anak majikan yang

sedang tidur dan bermain. Bagaimanapun, banjir surut sebaik hujan berhenti,” katanya.

Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Harmoni, Noorhisham Hashim, berkata kawasan itu terletak dalam dua pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ).

“Kami memohon supaya masalah ini diatasi segera kerana penduduk mengalami kerugian yang banyak akibat banjir,” katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua MPKJ, Datuk Hasan Nawawi Abd Rahman, berkata bajet secara pinjaman sebanyak RM8.7 juta sudah diberi kerajaan negeri kepada MPSJ bagi mengatasi banjir.

“Sejumlah RM700,000 diperuntukkan untuk Taman Harmoni tetapi MPSJ minta tunggu dulu sehingga beberapa perkara berkaitan kaedah pembayaran dan faedah yang perlu ditanggung oleh MPKJ, MPSJ dan Jabatan Pengairan Selangor.

“Beberapa sesi mesyuarat sudah diadakan berkaitan perkara ini manakala spesifikasi dan dokumen berkenaan projek mengatasi banjir di sini sudah disiapkan,” katanya.